

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 FEBRUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 34

Kemelesetan ekonomi dunia jejaskan permintaan

OPR tidak mustahil dapat dikekalkan pada 2.75 peratus

Kemelesetan ekonomi dunia jejaskan permintaan

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
ekonomiutusan@mediamulia.com.my

PETAING JAYA: Jangkaan kemelesetan ekonomi dunia tahun ini boleh memberi tekanan terhadap permintaan dan memperlambangkan perkembangan perdagangan dunia, seterusnya dapat menurunkan kadar inflasi, kata penganalisis ekonomi.

Penurunan tersebut sekali-gus menjadikan Kadar Dasar Semalam (OPR) tidak mustahil dikekalkan pada 2.75 peratus. Berakap kepada Utusan Ma-

laysia, Penganalisis Ekonomi UniKL Business School, Prof. Madya Dr. Aimi Zulhazmi Abdul Rashid berkata, permintaan yang berkurangan pada 2023 boleh menurunkan kadar inflasi berbanding 2022 yang lebih tinggi.

Katanya, berdasarkan asas yang tinggi pada 2022, kadar inflasi untuk tahun ini menjadi lebih sederhana seiring dengan perlakunya permintaan di seluruh dunia.

"Sekiranya tiada gangguan geopolitik seperti perang Rusia dan Ukraine, maka harga ko-

moditi utama dunia terutamanya minyak mentah akan lebih stabil."

"Ini berbeza dengan kenaikan mendadak pada Februari tahun lalu sehingga AS\$130 (RM550.62) setong, justeru peningkatan mencetuskan kenaikan kadar inflasi di seluruh dunia, bersama komoditi makanan utama dunia seperti gandum dan jagung."

"Justeru, tidak mustahil OPR dikekalkan pada 2.75 peratus pada mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Ne-

gara Malaysia (BNM) Mac depan sekiranya kadar inflasi menuun," katanya, semalam.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli sebelum ini berkata, OPR boleh terus dikekalkan pada paras 2.75 peratus jika kadar inflasi terus menurun atau mereda.

Menurutnya, apa yang memacu kadar naik turun inflasi ketika ini adalah perbelanjaan pengguna di restoran sama ada makan atau bawa pulang selain di hotel.

Justeru Rafizi berkata, pengguna yang perlu memainkan

peranan utama bagi menentukan kadar inflasi itu.

Sementara itu, Aimi Zulhazmi tidak menolak faktor lain yang boleh menyebabkan kenaikan OPR iaitu pergerakan modal dunia yang disebabkan oleh kenaikan kadar faedah oleh Rizab Persekutuan (Fed) Amerika Syarikat (AS).

"Bagaimanapun, perkara ini hanya boleh diputuskan berdasarkan situasi ekonomi tempatan dan global pada awal Mac atau pada akhir Februari nanti," ujarnya.